



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—

Akta 838

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

Sebagaimana pada 1 Jun 2024

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

Tarikh Perkenan Diraja	23 September 2022
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	3 Oktober 2022
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 142/2024 yang mula berkuat kuasa pada	1 Jun 2024

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 838

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

4. Pentadbiran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah
5. Ketua Pengarah
6. Kuasa Pertubuhan untuk memegang harta, dsb.
7. Penjalanan fungsi dan kuasa Pertubuhan

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA

8. Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah
9. Penubuhan jawatankuasa
10. Ketidaklayakan pelantikan sebagai anggota Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah atau jawatankuasa
11. Pemberhentian keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah atau jawatankuasa

Seksyen

12. Penzahiran kepentingan

BAHAGIAN IV

PELAKSANAAN, PENDAFTARAN DAN CARUMAN

13. Pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah
14. Pendaftaran
15. Caruman
16. Penerusan perlindungan
17. Bukti perkahwinan
18. Penentuan aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan rumah tangga
19. Kuasa untuk melantik ejen

BAHAGIAN V

FAEDAH

20. Tuntutan bagi faedah
21. Kelulusan tuntutan bagi faedah
22. Faedah
23. Faedah perubatan
24. Skala faedah perubatan
25. Faedah hilang upaya kekal
26. Bayaran faedah hilang upaya kekal
27. Pembayaran faedah apabila suri rumah berinsurans mati
28. Kejadian semasa terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang
29. Faedah pengurusan mayat
30. Elaun layanan sentiasa
31. Elaun keuzuran
32. Suri rumah berinsurans menghidap keilangan
33. Kelayakan suri rumah berinsurans bagi elaun keuzuran
34. Bayaran elaun keuzuran
35. Kadar elaun keuzuran

Seksyen

36. Pencen penakat
37. Kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis
38. Bayaran elaun perjalanan dan elaun lain
39. Faedah tidak boleh diserahkan atau ditahan
40. Suri rumah berinsurans yang menuntut faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran untuk mematuhi syarat
41. Penerima faedah untuk mematuhi syarat
42. Kewajipan melapor perubahan keadaan, dsb.
43. Hak Pertubuhan untuk mendapatkan balik faedah atau wang
44. Suri rumah berinsurans yang mempunyai lebih daripada satu caruman
45. Suri rumah berinsurans yang berhak kepada faedah hilang upaya dan keilatan

BAHAGIAN VI

PENENTUAN, SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN

46. Penentuan persoalan mengenai keilatan atau hilang upaya kekal
47. Rujukan kepada penilai perubatan dan rayuan kepada Jemaah Doktor Rayuan
48. Orang yang menuntut faedah tidak berupaya diperiksa oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan
49. Semakan semula penentuan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan
50. Semakan semula elaun keuzuran
51. Penggantungan dan pemberhentian elaun keuzuran

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN KEWANGAN

52. Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah
53. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
54. Perbelanjaan bagi pentadbiran
55. Kuasa untuk menerima pemberian, derma, dsb.

Seksyen

56. Kuasa untuk melabur
57. Kuasa untuk meminjam
58. Anggaran tahunan
59. Akaun dan laporan
60. Audit
61. Laporan tahunan
62. Laporan tahunan dan akaun teraudit hendaklah dibentangkan
63. Penilaian aset dan liabiliti
64. Pengenaan surcaj

BAHAGIAN VIII

TRIBUNAL KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

65. Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah
66. Perkara untuk diputuskan oleh Tribunal
67. Memulakan prosiding, dsb.
68. Pemulaan prosiding
69. Kuasa Tribunal
70. Perwakilan dalam prosiding di hadapan Tribunal
71. Faedah tidak dibayar kerana ketidakpatuhan Akta atau peraturan-peraturan
72. Rujukan kepada Mahkamah Tinggi
73. Rayuan
74. Penggantungan bayaran sementara menunggu rayuan

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

75. Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan
76. Kuasa untuk menghendaki maklumat dan menjalankan pemeriksaan
77. Menghalang, dsb., Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pemeriksa

BAHAGIAN X

KESALAHAN DAN PENALTI

Seksyen

78. Memberikan maklumat atau dokumen palsu atau mengelirukan
79. Fraud atau pemalsuan berkaitan dengan bayaran caruman atau tuntutan bagi faedah
80. Perintah mahkamah berkenaan dengan caruman atau faedah yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan
81. Salinan catatan menjadi keterangan *prima facie* dan pengemukaan dokumen
82. Pendakwaan
83. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN XI

AM

84. Pelantikan ejen pemungut
85. Mengguna khidmat juruaudit, aktuari, dsb.
86. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pemeriksa, dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan berhak menerima gaji, elaun, dsb.
87. Pekhidmat awam
88. Kuasa Pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat
89. Kuasa untuk mengecualikan
90. Pelupusan dokumen selepas lebih daripada tiga tahun
91. Kuasa untuk meminda Jadual
92. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
93. Syor Jawatankuasa untuk menyemak semula Skim
94. Pertubuhan boleh berurusan dengan orang yang diberi kuasa
95. Pengemukaan dokumen secara elektronik
96. Penubuhan dan penyenggaraan hospital, dsb.

Seksyen

97. Kuasa untuk bekerjasama dengan institusi yang sedia ada atau menggalakkan langkah untuk kesihatan, kebajikan, dsb., suri rumah berinsurans

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

JADUAL KELAPAN

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 838

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi keselamatan sosial bagi suri rumah berinsurans dalam bentuk faedah tertentu, bagi peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Dis 2022, P.U.(B) 509/2022]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana suri rumah yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia yang berdaftar di bawah seksyen 14.

(2) Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana suri rumah yang diperihalkan dalam Jadual Pertama.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak” ertinya anak bagi suri rumah berinsurans yang mati—

(a) yang berumur di bawah dua puluh satu tahun dan termasuklah—

(i) anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf; dan

(ii) anak angkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan

(b) yang tidak kira apa-apa jua umurnya dan yang terencat mental atau tidak upaya secara fizikal, dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri;

“bencana domestik” ertinya kecederaan diri pada suri rumah berinsurans yang disebabkan oleh suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya termasuklah ahli keluarganya dan bukan bagi apa-apa perusahaan, perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya;

“caruman” ertinya jumlah wang yang kena dibayar kepada Pertubuhan, oleh atau bagi pihak seorang suri rumah mengikut Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“hilang upaya kekal” ertinya apa-apa hilang upaya jenis kekal yang disebabkan oleh suatu bencana domestik, yang mengurangkan keupayaan suri rumah berinsurans untuk mengurus rumah tangga yang dia berupaya melaksanakan sebelum atau pada masa bencana domestik itu;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah seksyen 8;

“Jemaah Doktor Rayuan” ertinya Jemaah Doktor Rayuan yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Am) 1971 [*P.U. (A) 99/1971*] yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*];

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Pertubuhan yang dilantik di bawah subseksyen 59(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah seksyen 52;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah seksyen 59B Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;

“orang tanggungan” ertinya—

- (a) anak;
- (b) suami suri rumah berinsurans yang mati yang hendaklah merupakan warganegara Malaysia; atau
- (c) ibu bapa suri rumah berinsurans yang mati yang hendaklah merupakan warganegara Malaysia;

“pegawai dan pekhidmat Pertubuhan” ertinya pegawai dan pekhidmat Pertubuhan yang dilantik di bawah seksyen 59L Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;

“Pemeriksa” ertinya seorang Pemeriksa yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan termasuklah Ketua Pengarah dan tiap-tiap Timbalan Ketua Pengarah;

“penilai perubatan” ertinya penilai perubatan yang dilantik di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“Pertubuhan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;

“Skim” ertinya Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“suri rumah” ertinya mana-mana perempuan, sama ada telah berkahwin atau belum berkahwin, yang menguruskan rumah tangga, atas dasar sepenuh masa atau tidak, dan termasuklah—

- (a) seorang isteri, janda atau balu yang perkahwinannya didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (b) seorang ibu kepada seorang anak atau lebih termasuklah ibu tunggal;

“suri rumah berinsurans” ertinya mana-mana suri rumah yang telah berdaftar di bawah seksyen 14 yang berkenaan dengannya caruman telah dibayar mengikut Akta ini;

“tempoh caruman” ertinya suatu tempoh dua belas bulan berturut-turut atau apa-apa tempoh lain berkuat kuasa mulai dari waktu dan tarikh caruman itu dibayar terlebih dahulu oleh atau bagi pihak seorang suri rumah dan tamat pada waktu dan tarikh, sebagaimana yang ditetapkan;

“tempoh perlindungan” berhubung dengan keilatan dan bagi maksud seksyen 36 ertinya—

- (a) tempoh dua puluh bulan bagi dua belas bulan caruman dibayar terlebih dahulu berkenaan dengan suri rumah berinsurans;
- (b) tempoh empat puluh bulan bagi dua puluh empat bulan caruman dibayar terlebih dahulu berkenaan dengan suri rumah berinsurans; atau
- (c) tempoh yang caruman telah dibayar berkenaan dengan suri rumah bagi tidak kurang daripada dua per tiga daripada bilangan bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh apabila caruman mula-mula dibayar olehnya di bawah Akta ini dengan bulan sebaik sebelum bulan dia mengemukakan notis keilatan, dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh yang tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat;

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan yang dilantik di bawah subseksyen 59(2) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 termasuklah mereka yang dilantik mengikut subseksyen 5(3);

“Tribunal” ertinya Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah yang ditubuhkan di bawah seksyen 65.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

Pentadbiran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah

4. (1) Hendaklah ada suatu skim keselamatan sosial yang dikenali sebagai “Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah”.

(2) Skim ini hendaklah ditadbir oleh Pertubuhan.

(3) Bagi maksud mentadbir Skim ini, Pertubuhan hendaklah meletakkan pada Lembaga apa-apa kuasa dan hendaklah mengenakan ke atas Lembaga apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

Ketua Pengarah

5. (1) Ketua Pengarah Pertubuhan hendaklah menjadi Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini.

(2) Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan hendaklah menjadi Timbalan Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh melantik seorang atau lebih Timbalan Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini.

(4) Jika bagi apa-apa tempoh Ketua Pengarah tiada buat sementara di Malaysia atau menjadi tidak berupaya buat sementara kerana sakit, atau kerana apa-apa sebab lain tidak dapat melaksanakan kewajibannya, atau jika jawatan Ketua Pengarah menjadi kosong, Menteri hendaklah melantik seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah dalam tempoh itu.

(5) Terma dan syarat perkhidmatan Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Kuasa Pertubuhan untuk memegang harta, dsb.

6. (1) Pertubuhan boleh, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pertubuhan bagi maksud Akta ini—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih dan harta tak alih; dan

- (c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, memajakkan, menyerahhakkan semula, memindah milik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Pertubuhan.

Penjalanan fungsi dan kuasa Pertubuhan

7. (1) Semua fungsi termasuk kuasa yang boleh dijalankan oleh Pertubuhan di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili apa-apa kuasa dan fungsinya tertakluk pada apa-apa terma dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut olehnya kepada Timbalan Ketua Pengarah, Pemeriksa, atau pegawai dan pekhidmat Pertubuhan bagi maksud Akta ini.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA

Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah

8. (1) Suatu jawatankuasa yang dinamakan “Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah” ditubuhkan.

(2) Fungsi Jawatankuasa adalah untuk menasihati Lembaga tentang semua perkara yang berhubungan dengan Skim termasuklah caruman, faedah dan perkara yang berhubungan dengan pelaburan Kumpulan Wang.

(3) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi Jawatankuasa yang hendaklah bukan mana-mana ahli Majlis Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Pengarah;
- (c) seorang anggota yang mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- (d) seorang anggota yang mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- (e) seorang anggota yang mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi wanita, keluarga dan pembangunan masyarakat;
- (f) tidak lebih daripada dua orang anggota yang mewakili kepentingan suri rumah yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (g) tidak lebih daripada dua orang anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang munasabah dalam perkara yang berhubungan dengan kesejahteraan dan pemulihan suri rumah, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(4) Menteri boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (3)(a), (f) dan (g).

(5) Mana-mana anggota yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan (3)(a), (f) atau (g) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan sebagai anggota Jawatankuasa dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

(6) Anggota Jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (3)(a), (f) atau (g) hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang

dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(8) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali pada setiap tahun.

(9) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ialah lima orang termasuk pengerusi mesyuarat.

(10) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud menasihati Jawatankuasa mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(11) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(12) Tertakluk pada Akta ini, Jawatankuasa boleh menentukan tataranya sendiri.

(13) Pertubuhan hendaklah melantik seorang setiausaha dan penolong setiausaha kepada Jawatankuasa yang hendaklah daripada kalangan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan.

Penubuhan jawatankuasa

9. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga untuk menasihati dan membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya dan dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh mewakilkan fungsi dan kuasanya kepada mana-mana jawatankuasa sedemikian tertakluk pada apa-apa terma dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah dipengerusikan oleh pengerusi yang dilantik oleh Lembaga;
- (b) hendaklah menepati dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga; dan
- (c) boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(4) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(5) Anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula atas apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa.

(8) Seorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

(9) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuaratnya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa.

(11) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihati jawatankuasa itu mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(12) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Ketidaklayakan pelantikan sebagai anggota Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah atau jawatankuasa

10. Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik sebagai atau menjadi anggota Jawatankuasa, atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9:

- (a) seorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, penipuan, pecah amanah jenayah, penggelapan harta jenayah atau apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan atau keburukan akhlak dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu bulan atau denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit;
- (b) seorang bankrap; dan
- (c) seorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menjalankan fungsinya.

Pemberhentian keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah atau jawatankuasa

11. Seseorang anggota Jawatankuasa, atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9, hendaklah terhenti menjadi seorang anggota jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Jawatankuasa atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penzahiran kepentingan

12. Jika mana-mana anggota Jawatankuasa, atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9, mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan kepada Pengerusi Jawatankuasa atau jawatankuasa yang sewajarnya jenis dan takat kepentingannya dalam perkara itu dan anggota itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Jawatankuasa atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9, mengikut mana-mana yang berkenaan, tentang perkara itu.

BAHAGIAN IV

PELAKSANAAN, PENDAFTARAN DAN CARUMAN

Pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah

13. (1) Pertubuhan hendaklah melaksanakan Skim kepada suri rumah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pertubuhan boleh menjalankan apa-apa program atau aktiviti, atau kerjasama dengan mana-mana orang bagi maksud—

- (a) melaksanakan Skim termasuklah bagi bayaran caruman di bawah Akta ini; dan
- (b) peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan mana-mana suri rumah.

Pendaftaran

14. Mana-mana suri rumah, suami atau mana-mana orang lain boleh mendaftar suri rumah itu dengan Pertubuhan bagi Skim mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

Caruman

15. (1) Caruman berkeenaan dengan seseorang suri rumah yang telah berdaftar dengan Pertubuhan mengikut seksyen 14 hendaklah dibayar kepada Pertubuhan oleh suaminya mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan jika suaminya memilih untuk membayar caruman berkeenaan dengan suri rumahnya.

(2) Jika suami tidak memilih untuk membayar caruman itu atau jika suri rumah itu tidak mempunyai suami, caruman berkeenaan dengan seseorang suri rumah boleh dibayar oleh suri rumah itu sendiri kepada Pertubuhan sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dibayar terlebih dahulu kepada Pertubuhan pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga berdasarkan amaun pendapatan bulanan anggapan suri rumah yang diinsuranskan di bawah Akta ini.

(4) Caruman yang kena dibayar kepada Pertubuhan bagi suri rumah hendaklah dibayar terlebih dahulu bagi dua belas bulan berturut-turut untuk memenuhi tempoh caruman itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), caruman yang kena dibayar itu boleh dibuat terlebih dahulu bagi dua belas bulan berturut-turut yang berikutnya mengikut cara dan berkuat kuasa mulai dari waktu dan tarikh caruman itu dibayar oleh atau bagi pihak suri rumah dan tamat pada waktu dan tarikh, sebagaimana yang ditetapkan.

(6) Semua caruman yang dibayar di bawah seksyen ini tidak boleh dibayar balik.

(7) Menteri boleh mengkaji semula kadar caruman dan pendapatan bulanan anggapan selepas mengambil kira kemampuan dana Kumpulan Wang termasuklah tempoh caruman.

(8) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) mempunyai majikan, Pertubuhan boleh, atas permintaan orang itu, mengarahkan majikan untuk memotong caruman yang kena dibayar di bawah seksyen ini, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(9) Majikan yang telah diarahkan arahan di bawah subseksyen (8) hendaklah mematuhi arahan itu.

(10) Caruman yang kena dibayar berkenaan dengan suri rumah berinsurans hendaklah terhenti apabila suri rumah itu telah mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal.

(11) Seorang suami yang tidak membayar caruman berkenaan dengan suri rumah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(12) Walau apa pun subseksyen (11), jika suami itu tidak berupaya untuk membayar caruman yang dia telah memilih untuk membayar disebabkan oleh kehilangan pendapatan, atau kerana apa-apa sebab lain, suami itu hendaklah memaklumkan kepada Pertubuhan enam puluh hari sebelum tamat tempoh caruman sedia ada mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan.

(13) Seorang majikan yang gagal atau cuai untuk melaksanakan arahan Pertubuhan di bawah subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penerusan perlindungan

16. (1) Suri rumah berinsurans yang carumannya telah dipilih untuk dibayar oleh suaminya hendaklah terus dilindungi di bawah Akta ini sehingga tamat tempoh caruman itu—

(a) jika suri rumah berinsurans dan suami bercerai;

(b) dalam keadaan berlaku kematian suami itu; atau

- (c) dalam keadaan suami itu tidak berupaya untuk membayar caruman yang dia telah memilih untuk membayar disebabkan oleh kehilangan pendapatan, atau kerana apa-apa sebab lain.

(2) Apabila tamat tempoh caruman yang disebut dalam subseksyen (1), suri rumah itu hendaklah mempunyai pilihan untuk meneruskan pembayaran caruman kepada Pertubuhan mengikut subseksyen 15(2).

Bukti perkahwinan

17. (1) Tiap-tiap suri rumah atau suami kepada suri rumah hendaklah mengemukakan kepada Pertubuhan bukti perkahwinan apabila pendaftaran atau pada bila-bila masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Pertubuhan bagi maksud Akta ini.

(2) Pertubuhan hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki mana-mana suri rumah untuk mengemukakan bukti perkahwinan dan merujuk apa-apa maklumat atau pertanyaan kepada mana-mana pihak berkuasa atau pihak yang relevan dengan status perkahwinan suri rumah itu.

Penentuan aktiviti yang berhubungan dengan pengurusan rumah tangga

18. (1) Pertubuhan boleh, berdasarkan apa-apa maklumat atau keterangan yang ada pada Pertubuhan, menentukan sama ada apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana suri rumah berinsurans di bawah Akta ini berhubung dengan pengurusan rumah tangga.

(2) Semua tuntutan bagi faedah berhubung dengan bencana domestik, hendaklah bencana yang dialami dalam tempoh caruman dan Pertubuhan hendaklah menolak tuntutan itu jika bencana domestik itu bukan dalam tempoh caruman.

(3) Semua tuntutan bagi faedah berhubung dengan keilangan, hendaklah keilangan yang dihidap dalam tempoh perlindungan dan

Pertubuhan hendaklah menolak tuntutan itu jika keilatan yang dihidap bukan dalam tempoh perlindungan.

Kuasa untuk melantik ejen

19. (1) Pertubuhan boleh melantik apa-apa bilangan ejen tertakluk pada apa-apa terma dan syarat untuk memungut dan menerima bayaran caruman bagi pihak Pertubuhan.

(2) Ejen yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, memaklumkan kepada Pertubuhan waktu dan tarikh sebenar bayaran caruman dibuat oleh atau bagi pihak suri rumah berinsurans.

(3) Mana-mana ejen yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

FAEDAH

Tuntutan bagi faedah

20. (1) Tiap-tiap tuntutan bagi faedah di bawah Akta ini hendaklah dikemukakan mengikut apa-apa cara kepada Pertubuhan dengan apa-apa keterangan bagi menyokong tuntutan itu sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Suatu tuntutan bagi faedah di bawah Akta ini hendaklah dibuat—

- (a) dalam hal bencana domestik, dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh bencana domestik itu; atau
- (b) dalam hal keilatan, dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh suri rumah berinsurans itu menjadi ilat.

(3) Bagi maksud tuntutan bagi faedah di bawah Akta ini, kejadian yang berkaitan dengan tuntutan itu hendaklah berlaku di dalam Malaysia.

Kelulusan tuntutan bagi faedah

21. (1) Suatu tuntutan bagi faedah di bawah seksyen 20 tidak boleh diluluskan oleh Pertubuhan melainkan jika—

- (a) dalam hal bencana domestik, tarikh berlakunya bencana domestik itu telah diperakukan oleh Pertubuhan adalah dalam tempoh dua belas bulan sebelum tuntutan itu dibuat; atau
- (b) dalam hal keilatan, tarikh suri rumah berinsurans itu menjadi ilat telah diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan adalah dalam tempoh dua puluh empat bulan dari tarikh tuntutan itu dibuat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pertubuhan boleh meluluskan tuntutan itu jika Pertubuhan mendapati bahawa terdapat alasan munasabah untuk meluluskan tuntutan itu yang tarikh berlakunya bencana domestik atau tarikh suri rumah menjadi ilat adalah tidak mengikut subseksyen (1).

Faedah

22. (1) Tertakluk pada Akta ini, seorang suri rumah berinsurans atau orang tanggungannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhak kepada faedah hilang upaya seperti yang berikut:

- (a) faedah perubatan;
- (b) faedah hilang upaya kekal;
- (c) elaun layanan sentiasa;

- (d) pencen penakat;
- (e) faedah pengurusan mayat.

(2) Tertakluk pada Akta ini, suri rumah berinsurans atau orang tanggungannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhak kepada faedah keilangan seperti yang berikut:

- (a) elaun keuzuran;
- (b) elaun layanan sentiasa;
- (c) pencen penakat;
- (d) faedah pengurusan mayat.

(3) Sekiranya suri rumah berinsurans mengalami kegagalan ginjal tahap akhir, Pertubuhan boleh memberikan bantuan kewangan pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(4) Seseorang orang tanggungan tidak berhak kepada apa-apa faedah di bawah Akta ini jika Pertubuhan mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa suri rumah berinsurans mati akibat keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh orang tanggungan itu atau apa-apa perbuatan atau peninggalan dengan niat oleh atau bagi pihak orang tanggungan itu, dan hak orang tanggungan itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana orang tanggungan lain.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), “keganasan rumah tangga” ertinya perlakuan satu atau lebih perbuatan yang berikut:

- (a) menyebabkan kecederaan fizikal kepada suri rumah berinsurans dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (b) memaksa suri rumah berinsurans dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau

perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang suri rumah berinsurans itu berhak tidak melakukan;

- (c) mengurung atau menahan suri rumah berinsurans tanpa kerelaan suri rumah berinsurans itu;
- (d) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada suri rumah berinsurans itu;
- (e) menyebabkan suri rumah berinsurans mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan suri rumah berinsurans itu atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang.

Faedah perubatan

23. (1) Seorang suri rumah berinsurans yang keadaannya memerlukan rawatan dan layanan perubatan, akibat bencana domestik, berhak untuk menerima faedah perubatan.

(2) Faedah perubatan itu boleh diberikan sama ada dalam bentuk rawatan dan layanan pesakit luar di suatu hospital, dispensari, klinik atau institusi lain atau dengan lawatan ke rumah suri rumah berinsurans atau rawatan sebagai pesakit dalam di hospital atau institusi lain.

(3) Tiada faedah perubatan boleh diberikan kepada seorang suri rumah berinsurans bagi keilatan di bawah Akta ini melainkan jika faedah perubatan itu telah diberikan kepada suri rumah berinsurans disebabkan oleh suatu bencana domestik yang kemudiannya mengakibatkan keilatan itu.

Skala faedah perubatan

24. (1) Seorang suri rumah berinsurans berhak untuk menerima faedah perubatan hanya bagi jenis dan pada skala sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Seorang suri rumah berinsurans tidak mempunyai hak untuk menuntut apa-apa rawatan perubatan kecuali sebagaimana yang diberikan oleh suatu hospital, dispensari, klinik atau institusi lain yang diuntukkannya oleh Pertubuhan, atau sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini memberi hak kepada suri rumah berinsurans untuk menuntut bayaran ganti daripada Pertubuhan bagi apa-apa belanja yang dilakukan berkenaan dengan apa-apa rawatan perubatan, kecuali sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Bagi maksud bayaran dan bayaran ganti faedah perubatan, Pertubuhan boleh meminta daripada hospital, dispensari, klinik atau institusi lain untuk memberikan rekod perubatan dan penyata statistik mana-mana suri rumah berinsurans.

Faedah hilang upaya kekal

25. (1) Tertakluk pada Akta ini dan sebagaimana yang ditetapkan, seorang suri rumah berinsurans yang mengalami satu atau lebih hilang upaya kekal, disebabkan satu atau berbilang bencana domestik, berhak untuk menerima bayaran sekali gus sehingga amaun maksimum mengikut Jadual Kedua.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), sekiranya hilang upaya kekal itu telah ditaksir oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, faedah itu hendaklah boleh dibayar bagi tempoh caruman itu.

Bayaran faedah hilang upaya kekal

26. Sekiranya kehilangan kebolehan keupayaan suri rumah berinsurans untuk mengurus rumah tangga disebabkan oleh bencana domestik telah ditaksir oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan mengikut peratusan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Kedua, suri rumah berinsurans hendaklah menerima bayaran sekali gus sehingga amaun maksimum mengikut ruang keempat Jadual Kedua.

Pembayaran faedah apabila suri rumah berinsurans mati

27. Jika suri rumah berinsurans telah mengemukakan suatu tuntutan bagi faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran di bawah Akta ini dan mati selepas tuntutannya diluluskan oleh Pertubuhan tetapi sebelum pembayaran faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran dibuat kepadanya, hendaklah tiada faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran, mana-mana yang berkaitan, yang kena dibayar kepada benefisiari atau harta pusaka suri rumah berinsurans yang mati itu atau orang tanggungannya.

Kejadian semasa terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang

28. (1) Pertubuhan hendaklah menolak apa-apa tuntutan bagi faedah atau menghentikan apa-apa bayaran faedah jika Pertubuhan berpuas hati bahawa suatu kejadian berlaku terhadap suri rumah berinsurans semasa dia—

- (a) dalam perjalanan atau persediaan untuk melakukan suatu perbuatan menyalahi undang-undang; atau
- (b) telah melakukan, bersubahat atau terlibat dalam suatu perbuatan menyalahi undang-undang.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Pertubuhan mempunyai hak untuk menggantung apa-apa tuntutan bagi faedah atau bayaran bagi faedah sehingga tempoh enam bulan maksimum untuk menyiasat aktiviti itu sebelum membuat apa-apa penentuan bagi penolakan itu.

(3) Pertubuhan boleh menggantung selanjutnya apa-apa tuntutan bagi faedah atau bayaran bagi faedah jika Pertubuhan menjumpai apa-apa keterangan baharu bagi siasatan lanjut bagi perkara itu dan membuat penentuan sewajarnya.

Faedah pengurusan mayat

29. (1) Jika suri rumah berinsurans mati sebelum dia mencapai umur lima puluh lima tahun, suatu faedah pengurusan mayat bagi suatu amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam hendaklah dibayar kepada seorang daripada orang yang berikut:

- (a) duda;
- (b) anak lelaki atau anak angkat lelaki yang tertua sekali yang masih takat;
- (c) anak perempuan atau anak angkat perempuan yang tertua sekali yang masih takat; atau
- (d) ibu atau bapa (jika ada kedua-dua ibu bapa, ibu dan bapa sama-sama berkongsi faedah pengurusan mayat).

(2) Jika tiada orang sedemikian sebagaimana disebut dalam perenggan 1(a), (b), (c), atau (d), mana-mana orang lain yang sebenarnya menanggung perbelanjaan pengurusan mayat hendaklah dibayar belanja pengurusan mayat suri rumah berinsurans yang telah mati atau amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, mengikut mana-mana yang lebih kurang.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), keputusan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya dalam soal orang yang kepadanya bayaran faedah pengurusan mayat adalah muktamad.

Elaun layanan sentiasa

30. (1) Seorang suri rumah berinsurans yang berhak kepada suatu faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran juga berhak kepada elaun layanan sentiasa bulanan pada kadar dan bagi tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, jika dan selagi dia tidak upaya secara teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan peribadi orang lain.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), bayaran elaun layanan sentiasa kepada seorang suri rumah berinsurans hendaklah terhenti apabila dia mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal.

(3) Kewujudan darjah kehilangan upaya yang melayakkan suri rumah berinsurans bagi suatu elaun layanan sentiasa hendaklah diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Jika suri rumah berinsurans berhak kepada tuntutan elaun layanan sentiasa bulanan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana Akta lain yang ditadbir oleh Pertubuhan, suri rumah berinsurans berhak untuk menerima hanya satu elaun layanan sentiasa bulanan.

Elaun keuzuran

31. (1) Tertakluk pada Akta ini dan sebagaimana yang ditetapkan, suri rumah berinsurans yang menghidap keilatan berhak untuk menerima elaun keuzuran mengikut Jadual Keempat setelah keilatan ditentukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika keilatan itu diperakukan dihidap dalam tempoh perlindungan dan suri rumah berinsurans telah memenuhi syarat tempoh perlindungan.

(2) Jika suri rumah berinsurans berhak kepada elaun keuzuran di bawah Akta ini dan pencen ilat atau faedah yang serupa di bawah mana-mana Akta lain yang ditadbir oleh Pertubuhan bagi keadaan keuzuran yang sama, suri rumah berinsurans berhak untuk memilih hanya satu faedah, sama ada elaun keuzuran atau pencen ilat atau faedah lain yang seumpamanya.

Suri rumah berinsurans menghidap keilatan

32. (1) Seseorang suri rumah berinsurans hendaklah dianggap sebagai menghidap keilatan, jika, oleh sebab suatu keadaan keuzuran

tertentu yang berkekalan, dia tidak berupaya mengambil bahagian dalam apa-apa sebahagian besar aktiviti seorang suri rumah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) sesuatu keadaan keuzuran hendaklah disifatkan sebagai berkekalan jika keuzuran itu sama ada tidak boleh diubahi atau tidak mungkin boleh diubahi;
- (b) seseorang suri rumah berinsurans hendaklah disifatkan sebagai tidak berupaya mengambil bahagian dalam sebahagian besar aktiviti seorang suri rumah, jika oleh sebab keadaan uzur tertentunya kerana sakit atau kelemahan itu, dia tidak lagi berupaya menjalankan apa-apa aktiviti seorang suri rumah yang bersamaan dengan kekuatan dan tenaganya yang mungkin boleh dilakukan secara munasabah olehnya; atau
- (c) dalam menentukan sama ada seseorang suri rumah berinsurans menghidap keilangan, perkiraan hendaklah diberi tentang apa-apa kepulihan kekal mengenai keadaan keilatangannya yang berhasil atau dijangka berhasil daripada apa-apa langkah pemulihan jasmani yang mungkin diberi kepadanya tanpa kos oleh Pertubuhan.

(3) Jika suri rumah berinsurans diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan sebagai ilat sebelum apa-apa tempoh perlindungan, suri rumah berinsurans adalah tidak berhak kepada apa-apa elaun keuzuran.

Kelayakan suri rumah berinsurans bagi elaun keuzuran

33. (1) Tertakluk pada Akta ini, seseorang suri rumah berinsurans yang menghidap keilangan sebagaimana ditakrif dalam seksyen 32, melainkan jika dia telah mencapai umur lima puluh lima tahun, berhak menerima elaun keuzuran jika keilangan diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan dihidap dalam tempoh perlindungan.

(2) Jika keilatan suri rumah berinsurans telah bermula lebih awal dari tarikh notis keilatan diterima oleh Pertubuhan mengikut peraturan-peraturan, tarikh notis keilatan diterima oleh Pertubuhan, hendaklah menjadi tarikh bermulanya keilatannya.

(3) Jika suri rumah berinsurans telah mengemukakan notis keilatan dan notis itu telah ditolak oleh Pertubuhan atas alasan keilatan tidak dihidap dalam tempoh perlindungan dan selepas itu suri rumah berinsurans mengemukakan notis keilatan yang berikutnya, tarikh notis keilatan yang berikut itu yang diterima oleh Pertubuhan hendaklah dianggap, bagi maksud subseksyen (2), sebagai tarikh dia mengemukakan notis keilatan.

Bayaran elaun keuzuran

34. (1) Elaun keuzuran hendaklah terakru mulai dari hari notis keilatan diterima oleh Pertubuhan mengikut peraturan-peraturan dan hendaklah terhenti pada hari berikutan hari—

(a) keilatan suri rumah berinsurans terhenti; atau

(b) suri rumah berinsurans mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

(2) Kadar harian elaun keuzuran hendaklah merupakan amaun kadar bulanan elaun keuzuran yang dibayar atau kena dibayar kepada suri rumah berinsurans, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan elaun keuzuran itu terakru atau keilatan itu terhenti atau suri rumah berinsurans mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Kadar elaun keuzuran

35. (1) Jika seorang suri rumah berinsurans telah diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan sebagai ilat dalam apa-apa tempoh perlindungan, kadar bulanan elaun keuzuran

hendaklah bersamaan dengan lima puluh peratus daripada pendapatan bulanan anggapannya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) “pendapatan bulanan anggapan” merujuk kepada purata pendapatan bulanan anggapan yang bersamaan dengan dua belas bulan caruman bulanan yang akhir berkenaan dengan suri rumah berinsurans yang telah dibayar sebaik sebelum bulan yang dia mengemukakan notis keilatan mengikut peraturan-peraturan; dan
- (b) pendapatan bulanan anggapan yang bersamaan dengan caruman bulanan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Pencen penakat

36. (1) Jika seorang suri rumah berinsurans yang sedang menerima elaun keuzuran, atau jika dia belum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi dalam tempoh perlindungan, mati atau jika suri rumah berinsurans mati disebabkan oleh bencana domestik yang dihidap dalam tempoh caruman, pencen penakat pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Keempat hendaklah kena dibayar—

- (a) kepada duda sehingga dia berkahwin semula, atau mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal:

Dengan syarat bahawa sekiranya seorang duda berhak kepada lebih daripada satu pencen penakat di bawah Akta ini dan di bawah mana-mana Akta lain yang ditadbir oleh Pertubuhan, dia hendaklah dibayar satu pencen sahaja, iaitu pencen yang kadarnya lebih tinggi; dan

- (b) kepada setiap anak sehingga dia berkahwin atau sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal:

Dengan syarat bahawa dalam hal seseorang anak yang disebut dalam perenggan (b) takrif “anak” dalam seksyen 3, pencen penakat hendaklah dibayar berterusan selagi dia tidak berupaya menanggung dirinya sendiri atau sehingga dia mencapai umur lima puluh lima tahun, mengikut mana-mana yang lebih awal:

Dengan syarat selanjutnya bahawa Pertubuhan boleh meneruskan pencen tersebut kepada seseorang anak yang sedang menerima pendidikan dalam mana-mana institusi pendidikan tinggi tetapi tidak melebihi ijazah pertama sehingga dia tamat atau berhenti menerima pendidikan tersebut atau sehingga dia berkahwin, mengikut mana-mana yang lebih awal.

(2) Jika seorang suri rumah berinsurans yang sedang menerima elaun keuzuran, atau sekiranya suri rumah berinsurans belum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi dalam tempoh perlindungan, mati atau jika suri rumah berinsurans mati disebabkan oleh bencana domestik yang dihidap dalam tempoh caruman, dan tidak meninggalkan duda atau anak, pencen penakat hendaklah kena dibayar kepada ibu atau bapa suri rumah berinsurans sehingga ibu atau bapa itu mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal, pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Pencen penakat adalah terakru dari tarikh kematian suri rumah berinsurans yang sedang menerima elaun keuzuran atau suri rumah berinsurans yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi dalam tempoh perlindungan atau suri rumah berinsurans itu menghidap bencana domestik dalam tempoh caruman.

Kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis

37. (1) Seorang suri rumah berinsurans yang diperakukan menghidap keilangan atau hilang upaya kekal boleh diberikan kemudahan pemulihan jasmani, atau dialisis oleh Pertubuhan, tertakluk pada amaun maksimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan.

(2) Kemudahan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah bagi jenis dan pada skala, dan atas apa-apa terma dan syarat, sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Suri rumah berinsurans di bawah subseksyen (1) boleh, jika keadaannya memerlukan, diberi dan dipasang dengan, tanpa kos, alat prostetik, ortotik atau alat lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan dan alat itu boleh diperbaharui, apabila perlu, tanpa kos.

(4) Suri rumah berinsurans yang menjalani pemulihan jasmani atau dialisis boleh dibayar atau dibayar ganti, sebagaimana yang ditetapkan.

Bayaran elaun perjalanan dan elaun lain

38. Suri rumah berinsurans boleh dibayar elaun perjalanan dan elaun lain atau perbelanjaan lain atas apa-apa skala dan tertakluk pada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan, jika—

- (a) suri rumah berinsurans dipanggil untuk hadir di hadapan penilai perubatan, atau dipanggil untuk hadir di hadapan Jemaah Doktor Rayuan sekiranya terdapat suatu rayuan oleh Pertubuhan di hadapan Jemaah Doktor Rayuan, berkaitan penentuan mengenai persoalan hilang upaya kekal atau keilangan; atau
- (b) suri rumah berinsurans dikehendaki oleh Pertubuhan, penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan untuk hadir pemulihan jasmani atau dialisis.

Faedah tidak boleh diserahkan atau ditahan

39. (1) Hak untuk menerima apa-apa bayaran faedah di bawah Akta ini tidak boleh dipindahkan atau diserahkan.

(2) Tiada apa-apa faedah yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh ditahan oleh apa-apa dekri atau perintah mana-mana mahkamah.

Suri rumah berinsurans yang menuntut faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran untuk mematuhi syarat

40. Suri rumah berinsurans yang menuntut faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran hendaklah hadir dan membenarkan dirinya untuk apa-apa pemeriksaan perubatan atau pemeriksaan lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pertubuhan, penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan bagi pengesahan dan perakuan hilang upaya atau keilatannya.

Penerima faedah untuk mematuhi syarat

41. (1) Suri rumah berinsurans yang menuntut atau sedang menerima faedah—

- (a) hendaklah sentiasa berada di bawah rawatan perubatan di suatu hospital, dispensari, klinik atau institusi lain yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan hendaklah menjalankan arahan yang diberikan oleh pegawai perubatan atau atendan perubatan yang menjaga rawatan perubatannya;
- (b) tidak boleh melakukan apa-apa perkara yang mungkin memudaratkan peluangnya untuk sembuh semasa berada di bawah rawatan atau pemulihan jasmani;
- (c) tidak boleh meninggalkan kawasan yang rawatan perubatan diperuntukkan di bawah Akta ini tanpa kebenaran pengamal perubatan sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (d) hendaklah membenarkan dirinya diperiksa oleh mana-mana pegawai perubatan yang dilantik dengan sewajarnya atau orang lain yang diberi kuasa oleh Pertubuhan bagi maksud ini.

(2) Suri rumah berinsurans yang menuntut atau sedang menerima faedah hendaklah hadir di saringan kesihatan atau program kesihatan sebagaimana yang diarahkan oleh Pertubuhan yang diberikan oleh Pertubuhan tanpa kos.

(3) Apa-apa faedah boleh digantung, jika suri rumah berinsurans yang menuntut atau sedang menerima faedah itu tidak mematuhi apa-apa kehendak subseksyen (1) atau (2), dan penggantungan itu hendaklah bagi apa-apa bilangan hari sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

Kewajipan melapor perubahan keadaan, dsb.

42. Seseorang yang sedang menerima apa-apa faedah di bawah Akta ini hendaklah melaporkan kepada Pertubuhan dengan seberapa segera yang boleh, tiap-tiap peristiwa atau fakta yang menyentuh atau mungkin menyentuh haknya yang berterusan bagi faedah atau kadar faedah itu.

Hak Pertubuhan untuk mendapatkan balik faedah atau wang

43. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 78 atau 79, Pertubuhan mempunyai hak untuk mendapatkan balik semua amaun faedah atau apa-apa wang yang telah dibayar kepada orang itu di bawah Akta ini oleh Pertubuhan.

(2) Amaun yang boleh didapatkan balik di bawah seksyen ini boleh didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

Suri rumah berinsurans yang mempunyai lebih daripada satu caruman

44. Suri rumah berinsurans yang mempunyai caruman di bawah Akta ini dan di bawah mana-mana Akta lain yang ditadbir oleh Pertubuhan, sama ada bagi tempoh yang sama atau tidak, suri rumah berinsurans itu atau orang tanggungannya berhak untuk menerima hanya satu faedah berkenaan dengan hilang upaya kekal atau keilangan yang sama.

Suri rumah berinsurans yang berhak kepada faedah hilang upaya dan keilatan

45. Jika suri rumah berinsurans berhak kepada kedua-dua faedah hilang upaya dan keilatan disebabkan oleh hilang upaya yang sama di bawah Akta ini, dia berhak untuk menerima hanya satu faedah di bawah Akta ini mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI

PENENTUAN, SEMAKAN SEMULA DAN RAYUAN

Penentuan persoalan mengenai keilatan atau hilang upaya kekal

46. (1) Penilai perubatan hendaklah memeriksa orang yang menuntut faedah dan menentukan, dengan keterangan yang ada hingga memuaskan hatinya dan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan, apa-apa persoalan—

- (a) sama ada kemalangan, kejadian atau penyakit yang berkaitan itu telah mengakibatkan keilatan;
- (b) sama ada bencana domestik yang berkaitan itu telah mengakibatkan hilang upaya kekal; atau
- (c) sama ada takat kehilangan kebolehan keupayaan suri rumah berinsurans untuk mengurus rumah tangga boleh ditaksirkan berdasarkan penilaian fungsional bagi maksud faedah hilang upaya dan takat kehilangan kebolehan keupayaan itu.

(2) Penilai perubatan hendaklah menghantar suatu laporan pemeriksaan dan penentuannya kepada Pertubuhan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

Rujukan kepada penilai perubatan dan rayuan kepada Jemaah Doktor Rayuan

47. (1) Pertubuhan hendaklah merujuk semua persoalan mengenai keilatan dan hilang upaya kekal kepada penilai perubatan untuk penentuan.

(2) Jika orang yang menuntut faedah atau Pertubuhan tidak berpuas hati dengan penentuan penilai perubatan, orang yang menuntut faedah itu atau Pertubuhan boleh merayu, mengikut cara dan masa yang ditetapkan, kepada Jemaah Doktor Rayuan.

(3) Orang yang menuntut apa-apa faedah boleh dipanggil untuk hadir di hadapan penilai perubatan atau, dalam hal rayuan oleh Pertubuhan, di hadapan Jemaah Doktor Rayuan, berhubung dengan penentuan persoalan mengenai keilatan atau persoalan mengenai hilang upaya kekal, dan boleh dibayar elaun perjalanan, elaun lain dan perbelanjaan lain yang telah dilakukan olehnya berhubung dengan kehadiran dalam perkara itu dan pada skala dan tertakluk pada syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

Orang yang menuntut faedah tidak berupaya diperiksa oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan

48. Jika orang yang menuntut faedah, yang telah mengemukakan tuntutan bagi faedahnya kepada Pertubuhan untuk penentuan hilang upaya kekal atau keilatan, menurut Akta ini, tidak sempurna akal, menjadi sakit atau atas apa-apa sebab lain adalah tidak berupaya diperiksa oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, Pertubuhan hendaklah, tertakluk pada apa-apa keterangan perubatan yang ada hingga memuaskan hatinya, merujuk hal itu kepada penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan untuk penentuan hilang upaya kekal atau keilatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ditetapkan.

Semakan semula penentuan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan

49. (1) Pertubuhan atau orang yang menuntut faedah boleh memohon untuk semakan semula apa-apa penentuan mengenai keilangan atau hilang upaya kekal kepada penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.

(2) Apa-apa penentuan di bawah Akta ini oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan boleh disemak semula pada bila-bila masa oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, jika penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan berpuas hati dengan keterangan baharu bahawa penentuan itu diberi disebabkan oleh ketidakdedahan atau salah nyata oleh suri rumah berinsurans atau mana-mana orang lain mengenai suatu fakta material sama ada ketidakdedahan atau salah nyata itu adalah fraud atau tidak.

(3) Apa-apa penentuan mengenai takat keilangan, atau hilang upaya kekal akibat daripada kecederaan yang berkaitan boleh juga disemak semula oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, jika penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan itu berpuas hati bahawa semenjak penentuan itu dibuat, takat keilangan, atau hilang upaya kekal akibat daripada kecederaan yang berkaitan itu menjadi semakin substansial dan teruk yang tidak terjangka.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), penentuan itu tidak boleh disemak semula melainkan jika penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan berpendapat bahawa, setelah memberi perhatian kepada tempoh yang diambil kira dalam penentuan itu, ketidakadilan substansial akan berlaku jika penentuan itu tidak disemak semula.

(5) Kecuali dengan kebenaran Jemaah Doktor Rayuan, penentuan itu tidak boleh disemak semula di bawah subseksyen (3) atas apa-apa permohonan untuk semakan semula yang dibuat kurang daripada dua belas bulan dari tarikh penentuan itu.

(6) Tertakluk pada subseksyen (5), penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan boleh menguruskan suatu hal untuk semakan semula mengikut apa-apa cara yang penilai perubatan atau Jemaah Doktor

Rayuan boleh menguruskannya atas rujukan yang asal kepada penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.

(7) Seksyen 47 hendaklah terpakai bagi suatu permohonan untuk semakan semula di bawah seksyen ini.

Semakan semula elaun keuzuran

50. Tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan, Pertubuhan boleh menyemak semula bayaran apa-apa elaun keuzuran kepada mana-mana suri rumah dan hasil daripada semakan semula itu boleh menambah, meneruskan, mengurangkan atau memberhentikan elaun itu.

Penggantungan dan pemberhentian elaun keuzuran

51. (1) Pertubuhan boleh menggantung elaun keuzuran jika dan selagi penerima itu—

- (a) mungkir hadir, dengan tiada sebab yang baik, apabila diarahkan, di hadapan penilai perubatan atau mana-mana pihak berkuasa lain untuk pengesahan kewujudan atau kewujudan berterusan keilatannya;
- (b) enggan atau cuai tanpa sebab yang baik untuk mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh atau bagi pihak Pertubuhan berkenaan dengan apa-apa proses pemulihan jasmani yang dia dikehendaki menjalani tanpa kos; atau
- (c) mungkir, dengan tiada sebab yang baik, membenarkan dirinya untuk menerima dengan percuma rawatan perubatan termasuk pemasangan alat bantuan yang ditawarkan oleh Pertubuhan bagi keilatannya atau mungkir menjalankan apa-apa arahan pegawai perubatan yang menjaganya:

Dengan syarat bahawa dia tidak boleh dikehendaki untuk menjalani apa-apa pembedahan yang boleh membahayakan nyawa atau kesihatannya.

(2) Pertubuhan boleh menghentikan bayaran elaun keuzuran jika Pertubuhan berpuas hati bahawa—

- (a) penerima atau mana-mana orang yang berkaitan dengan elaun keuzuran itu telah bertindak secara fraud terhadap Pertubuhan yang berkaitan dengan mana-mana tuntutan yang telah dibuat olehnya atau apa-apa bayaran yang telah diterima olehnya;
- (b) penerima bersedia untuk melakukan atau bersubahat dalam perbuatan menyalahi undang-undang; atau
- (c) penerima telah melakukan atau terlibat dalam perbuatan menyalahi undang-undang.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN KEWANGAN

Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah

52. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Suri Rumah” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Pertubuhan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) caruman oleh atau bagi pihak suri rumah;
- (b) sewa, faedah, dividen dan apa-apa pendapatan lain yang diperoleh daripada aset Kumpulan Wang;
- (c) jumlah wang yang terakru kepada Kumpulan Wang di bawah Akta ini termasuk pembayaran balik faedah;

- (d) wang yang dipinjam oleh Pertubuhan di bawah Akta ini;
- (e) fi;
- (f) wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan oleh Pertubuhan di bawah Akta ini;
- (g) wang yang diterima oleh Pertubuhan melalui pemberian, derma dan hadiah bagi maksud Akta ini;
- (h) wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan lain dengan, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang dipindahkan kepada, yang diletak hak pada atau diperoleh oleh Pertubuhan;
- (i) wang dan harta lain yang boleh, yang mengikut apa-apa cara, menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pertubuhan berkenaan dengan pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
- (j) apa-apa kos yang dibayar kepada atau didapatkan balik oleh Pertubuhan dalam apa-apa penyelesaian tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah; dan
- (k) semua wang dan harta lain yang diterima secara sah oleh Pertubuhan.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

53. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) bayaran faedah dan pemberian rawatan dan layanan perubatan kepada suri rumah berinsurans atau orang tanggungannya;

- (b) penubuhan dan penyenggaraan hospital, dispensari dan institusi lain dan pemberian perkhidmatan perubatan termasuk apa-apa perkhidmatan sampingan lain bagi faedah suri rumah berinsurans;
- (c) bayaran kepada Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana badan atau orang persendirian bagi kos rawatan dan layanan perubatan, kemudahan bagi pemulihan jasmani atau dialisis yang diberikan kepada suri rumah berinsurans;
- (d) bayaran kepada Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana badan atau orang persendirian bagi kos menyewa atau membeli apa-apa bangunan atau peralatan berhubung dengan rawatan perubatan, kemudahan bagi pemulihan jasmani atau dialisis;
- (e) bayaran belanja atau kos yang ditanggung oleh Pertubuhan berhubung dengan Tribunal, Jemaah Doktor Rayuan, penilai perubatan dan ejen bagi maksud Akta ini;
- (f) bayaran belanja atau wang yang dikehendaki untuk menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award oleh mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Pertubuhan, Pengerusi Lembaga atau Jawatankuasa atau jawatankuasa, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, mana-mana anggota Lembaga atau jawatankuasa, Pemeriksa, dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi atau menjalankan kuasa Pertubuhan;
- (g) bayaran elaun dan belanja lain kepada anggota Lembaga, Jawatankuasa dan jawatankuasa;
- (h) bayaran fi guaman dan caj lain bagi memulakan atau membela apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang berakibat daripada apa-apa tindakan yang diambil di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

- (i) pembayaran perbelanjaan mengenai langkah bagi peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah berinsurans atau orang tanggungan atau mana-mana suri rumah dan bagi pemulihan suri rumah berinsurans yang telah hilang upaya atau cedera;
- (j) bayaran balik wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga atau keuntungan yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (k) penubuhan atau pengambilalihan suatu syarikat di bawah Akta ini dan penyenggaraannya; dan
- (l) bayaran belanja dan perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau yang ditanggung dalam melaksanakan fungsi atau menjalankan kuasa Pertubuhan.

Perbelanjaan bagi pentadbiran

54. (1) Walau apa pun seksyen 53, perbelanjaan boleh dilakukan oleh Pertubuhan daripada Kumpulan Wang setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri sebagaimana yang ditetapkan, bagi mana-mana satu tahun, untuk menjalankan pentadbiran Skim bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar gaji, bonus, belanja cuti dan pertukaran, elaun perjalanan dan pampasan, ganjaran dan elaun ihsan, caruman kepada kumpulan wang faedah, kebajikan dan rekreasi pegawai dan pekhidmat Pertubuhan termasuklah pemberian pinjaman dan pendahuluan, dan perbelanjaan berkenaan dengan pejabat dan bayaran perkhidmatan lain yang diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) membayar fi dan saraan lain kepada mana-mana juruaudit, aktuari, ejen, penasihat teknikal, jurubank, broker saham, juruukur, perunding atau mana-mana orang lain yang diguna khidmat untuk melaksanakan maksud Akta ini; dan

- (c) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa benda lain termasuk menyewa mana-mana bangunan atau premis dalam melaksanakan fungsinya dan dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh, tertakluk pada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkan patut oleh Lembaga, mewakili kepada Pengerusi Lembaga, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, mana-mana anggota Lembaga, Jawatankuasa atau jawatankuasa, Pemeriksa, atau pegawai dan pekhidmat Pertubuhan, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Lembaga setakat apa-apa had sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Kuasa untuk menerima pemberian, derma, dsb.

55. (1) Pertubuhan boleh menerima pemberian, derma dan hadiah atau bekues yang dibuat kepada atau atas nama Kumpulan Wang.

(2) Pertubuhan boleh membelanjakan pemberian, derma dan hadiah atau bekues bagi maksud tanggungjawab sosial korporat berkaitan dengan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah.

Kuasa untuk melabur

56. (1) Bagi maksud seksyen ini—

“debentur” termasuklah saham debentur, bon, nota atau sekuriti atau obligasi lain suatu syarikat, sama ada terjumlah kepada suatu gadaian ke atas aset syarikat atau tidak dan juga termasuk hak untuk melanggan apa-apa debentur;

“syer” ertinya syer berbayar sama ada yang berbayar penuh atau tidak dalam modal syer suatu syarikat dan termasuklah saham dan hak untuk melanggan apa-apa saham atau syer.

(2) Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang wang itu tidak diperlukan dengan segera untuk dibelanjakan oleh Pertubuhan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dilaburkan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan seperti yang berikut:

- (a) dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan kumpulan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) dalam pelaburan dalam syer dan debentur dalam mana-mana syarikat awam yang disebut harga atau sedang diusahakan supaya disebut harga di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia; dan
- (c) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga berdasarkan syor oleh Jawatankuasa.

(3) Pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh diubah, ditukar atau direalisasikan dari semasa ke semasa.

(4) Menteri boleh pada bila-bila masa, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan pengosongan sebahagian atau keseluruhan, atau melarang pelaburan, dalam mana-mana sekuriti.

(5) Kuasa untuk melabur di bawah subseksyen (2) hendaklah terletak hak kepada Jawatankuasa, tertakluk pada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(6) Pertubuhan hendaklah, dengan kelulusan Lembaga dan selepas berunding dengan Menteri Kewangan, menentukan tatacara bagi pelaburan Kumpulan Wang termasuk pemindahan atau realisasinya, bank yang Kumpulan Wang boleh didepositkan, pemerdapatan dan pembayaran balik pinjaman dan kawalan dan prosedur kewangan.

Kuasa untuk meminjam

57. (1) Pertubuhan boleh, dengan keizinan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam apa-apa wang yang dikehendaki oleh Pertubuhan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau melaksanakan apa-apa fungsinya pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat berkenaan dengan masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, kecuali bagi maksud pembayaran faedah di bawah Akta ini.

(2) Tiada wang daripada mana-mana kumpulan wang yang ditadbirkan oleh Pertubuhan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain boleh digunakan bagi maksud peminjaman di bawah subseksyen (1).

Anggaran tahunan

58. (1) Pertubuhan hendaklah pada setiap tahun menyediakan suatu belanjawan yang menunjukkan wang masuk yang dijangka dan anggaran perbelanjaan Pertubuhan bagi tahun yang berikutnya yang mengandungi apa-apa butir-butir yang mencukupi sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri bagi menyelesaikan liabiliti yang ditanggung oleh Pertubuhan dan bagi menyenggara suatu imbalan kerja di bawah Akta ini.

(2) Belanjawan itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Menteri sebelum apa-apa tarikh yang ditetapkan olehnya.

Akaun dan laporan

59. Pertubuhan hendaklah menyebabkan supaya akaun Kumpulan Wang yang sewajarnya dan rekod aktiviti yang sewajarnya disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Pertubuhan yang hendaklah termasuk kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu laporan mengenai kerja dan aktiviti Pertubuhan.

Audit

60. (1) Akaun Pertubuhan hendaklah diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(2) Ketua Audit Negara atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya hendaklah pada setiap masa yang munasabah mempunyai akses kepada buku, akaun dan dokumen lain Pertubuhan dan boleh, bagi maksud audit, menghendaki apa-apa penjelasan dan maklumat daripada, atau memeriksa, mana-mana pegawai dan pekhidmat Pertubuhan.

(3) Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu salinan laporan juruaudit dan apa-apa pemerhatian bersama dengan salinan akaun teraudit Pertubuhan.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga supaya menghantar salinan laporan juruaudit dan apa-apa penyata akaun kepada mana-mana jabatan Kerajaan dan apa-apa penyata akaun kepada Ketua Audit Negara sebagaimana yang perlu.

Laporan tahunan

61. Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri laporan tahunan mengenai kerja dan aktiviti Pertubuhan sebelum 30 Jun tahun yang berikutnya melainkan jika dilanjutkan selainnya oleh Menteri.

Laporan tahunan dan akaun teraudit hendaklah dibentangkan

62. Lembaga hendaklah menyebabkan laporan tahunan dan akaun teraudit Pertubuhan dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

Penilaian aset dan liabiliti

63. (1) Lembaga hendaklah, pada tiap-tiap lima tahun, menyebabkan supaya suatu semakan semula aktuari dijalankan mengenai pelaksanaan Skim di bawah Akta ini, yang melibatkan penilaian aset dan liabiliti Pertubuhan, dan laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh mengarahkan supaya apa-apa semakan semula aktuari dan penilaian aset dan liabiliti dibuat pada bila-bila masa yang lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Pengenaan surcaj

64. (1) Mana-mana orang yang sedang atau pernah bekerja dengan Pertubuhan boleh dikenakan surcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa bayaran wang yang tidak sepatutnya daripada Kumpulan Wang atau bagi apa-apa bayaran apa-apa wang yang tidak disokong dengan sewajarnya;
- (b) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi kemusnahan, apa-apa wang, sekuriti, barang-barang simpanan atau harta lain Pertubuhan;
- (c) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (d) telah gagal untuk membuat apa-apa bayaran, atau bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelengahan dalam bayaran wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian

atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Pertubuhan.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum seseorang itu dikenakan surcaj di bawah subseksyen (1), menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikenakan surcaj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh—

- (a) dalam hal perenggan (1)(a) dan (b), mengenakan surcaj terhadap orang itu, jumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau bayaran yang dibuat dengan tidak sepatutnya, atau kekurangan dalam nilai, atau kerugian, wang, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Pertubuhan; dan
- (b) dalam hal perenggan (1)(c) dan (d), mengenakan surcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu mengenai apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah selepas itu memberitahu orang yang dikenakan surcaj itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika didapati selainnya bahawa tiada surcaj patut dikenakan, dan Lembaga hendaklah menyebabkan supaya Ketua Pengarah diberitahu mengenai penarikan balik itu dan Ketua Pengarah hendaklah selepas itu memberitahu orang yang dikenakan surcaj itu.

(6) Amaun bagi apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (3) dan yang tidak ditarik balik di bawah subseksyen (5) hendaklah menjadi suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Pertubuhan daripada orang yang dikenakan surcaj itu dan boleh

dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan balik dalam mana-mana mahkamah atas guaman Pertubuhan dan boleh juga jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga didapatkan balik melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang dikenakan surcaj itu; atau
- (b) daripada pencen orang yang dikenakan surcaj itu,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu per empat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN VIII

TRIBUNAL KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH

Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah

65. (1) Menteri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan suatu Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah bagi Negeri atau kawasan, sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(2) Tribunal hendaklah dipengerusikan oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Seseorang adalah layak bagi pelantikan sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (2) jika—

- (a) dia seorang warganegara; dan
- (b) selama sepuluh tahun sebelum pelantikannya, dia telah menjadi—
 - (i) seorang anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan;

- (ii) peguam bela dan peguam cara mengikut pengertian Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];
- (iii) peguam bela mengikut pengertian Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Cap. 2*]; atau
- (iv) peguam bela mengikut pengertian Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Cap. 110*].

Perkara untuk diputuskan oleh Tribunal

66. (1) Tribunal hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan berkenaan dengan apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang dirujuk kepada Tribunal oleh mana-mana orang yang berhubungan dengan perkara yang berikut:

- (a) sama ada mana-mana orang ialah suri rumah, orang tanggungan atau suri rumah berinsurans mengikut pengertian Akta ini;
- (b) sama ada apa-apa kemalangan atau kejadian yang mengakibatkan apa-apa kecederaan kepada suri rumah berinsurans mengikut pengertian Akta ini;
- (c) sama ada apa-apa kemalangan, kejadian atau penyakit yang dialami oleh mana-mana suri rumah berinsurans ialah suatu bencana domestik dalam tempoh caruman;
- (d) kadar caruman yang dibayar terlebih dahulu dan bayaran caruman mana-mana suri rumah berinsurans bagi maksud Akta ini;
- (e) hak atau kelayakan mana-mana suri rumah berinsurans kepada apa-apa faedah termasuklah amaun dan tempoh faedah itu;
- (f) apa-apa arahan atau petunjuk yang dikeluarkan oleh Pertubuhan, di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

- (g) apa-apa tuntutan oleh Pertubuhan terhadap mana-mana orang untuk mendapatkan balik apa-apa faedah yang telah dibayar dengan tidak mengikut Akta ini;
- (h) apa-apa perkara lain yang dipertikaikan antara suri rumah berinsurans, orang tanggungan atau mana-mana orang dan Pertubuhan berkenaan dengan perlindungan, caruman, faedah atau wang lain yang kena dibayar atau didapatkan balik di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (i) apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk atau yang boleh diputuskan oleh Tribunal di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding di hadapan Tribunal, suatu persoalan hilang upaya kekal atau keilangan, kecederaan atau penyakit timbul dan penentuan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan tidak diperoleh walaupun penentuan itu adalah perlu bagi keputusan mengenai tuntutan atau persoalan di hadapan Tribunal, Tribunal hendaklah mengarahkan Pertubuhan untuk mengemukakan persoalan hilang upaya kekal atau keilangan, kecederaan atau penyakit itu untuk penentuan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan dan boleh meneruskan untuk memutuskan apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang lain di hadapan Tribunal dan memutuskan mengenai persoalan hilang upaya kekal atau keilangan, kecederaan atau penyakit itu mengikut penentuan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiada mahkamah sivil boleh mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan atau menguruskan apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang disebut dalam subseksyen (1), atau untuk membuat keputusan atas apa-apa liabiliti yang hendaklah diputuskan oleh Tribunal di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tribunal hendaklah hanya memutuskan apa-apa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan yang timbul di bawah Akta ini atau

apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan bukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(5) Tribunal dan mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan atau menguruskan apa-apa persoalan atau pertikaian yang, oleh atau di bawah Akta ini, diputuskan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.

Memulakan prosiding, dsb.

67. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dimulakan di Tribunal yang ditubuhkan bagi kawasan yang suri rumah berinsurans menetap di Malaysia pada masa persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan timbul.

(2) Pengerusi Tribunal boleh, apabila permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak kepada Tribunal, memindahkan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapannya di suatu Negeri atau kawasan kepada mana-mana Tribunal lain di Negeri atau kawasan lain dan hendaklah memberikan sebabnya bagi membenarkan atau tidak membenarkan permohonan untuk pemindahan itu.

(3) Tribunal yang kepadanya apa-apa perkara atau prosiding dipindahkan di bawah subseksyen (2) hendaklah meneruskan untuk memutuskan perkara atau prosiding itu seolah-olah perkara atau prosiding itu telah dimulakan pada asalnya di hadapan Tribunal itu.

Pemulaan prosiding

68. (1) Apa-apa prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dimulakan dengan suatu permohonan yang dibuat dalam tempoh tiga tahun dari tarikh kausa tindakan itu timbul.

(2) Permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan dan disertakan dengan fi.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) kausa tindakan berkenaan dengan tuntutan bagi faedah hendaklah disifatkan telah timbul dari tarikh keputusan bertulis daripada Pertubuhan mengenai tuntutan itu diterima oleh orang yang berikut:
- (i) suri rumah berinsurans;
 - (ii) berhubung dengan pencen penakat, orang tanggungan suri rumah berinsurans; atau
 - (iii) berhubung dengan faedah pengurusan mayat, orang yang menuntut;
- (b) kausa tindakan berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh Pertubuhan untuk mendapatkan balik faedah daripada suri rumah berinsurans, orang tanggungannya atau mana-mana orang lain hendaklah disifatkan telah timbul dari tarikh keterangan faedah telah dibayar disebabkan oleh kesilapan atau fraud wujud.

Kuasa Tribunal

69. (1) Tribunal hendaklah mempunyai segala kuasa seorang Hakim Mahkamah Sesyen bagi maksud mengeluarkan saman dan menguatkuasakan kehadiran saksi, penzahiran dan pengemukaan dokumen dan objek yang material, mentadbir sumpah dan merekodkan keterangan.

(2) Semua kos bersampingan dengan apa-apa prosiding di hadapan Tribunal hendaklah tertakluk pada budi bicara Tribunal.

(3) Suatu perintah Tribunal hendaklah dikuatkuasakan seolah-olah perintah itu ialah suatu penghakiman Mahkamah Sesyen.

Pewakilan dalam prosiding di hadapan Tribunal

70. Mana-mana orang boleh, dalam mana-mana prosiding di hadapan Tribunal kecuali kehadiran seseorang bagi maksud

pemeriksaan sebagai seorang saksi, hadir sendiri atau diwakili oleh pengamal undang-undang, atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh orang itu, atau jika tiada pemberian kuasa secara bertulis, oleh mana-mana orang yang dibenarkan oleh Tribunal untuk hadir bagi pihak orang itu.

Faedah tidak dibayar kerana ketidakpatuhan Akta atau peraturan-peraturan

71. (1) Tribunal tidak boleh mengarahkan pembayaran apa-apa faedah kepada suri rumah berinsurans atau orang tanggungan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika suri rumah berinsurans atau orang tanggungan itu telah membuat tuntutan bagi faedah itu mengikut Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Tribunal boleh mengarahkan pembayaran faedah sekiranya Tribunal berpuas hati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk tidak membuat tuntutan bagi faedah itu dengan mematuhi Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Rujukan kepada Mahkamah Tinggi

72. Tribunal boleh mengemukakan apa-apa persoalan undang-undang bagi keputusan Mahkamah Tinggi dan hendaklah memutuskan persoalan yang belum selesai di hadapan Tribunal mengikut keputusan itu.

Rayuan

73. (1) Tiada rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi terhadap perintah Tribunal melainkan jika rayuan itu melibatkan persoalan undang-undang atau campuran persoalan undang-undang dan fakta.

(2) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam masa enam puluh hari dari tarikh perintah bertulis itu dibuat oleh Tribunal.

Penggantungan bayaran sementara menunggu rayuan

74. Jika Pertubuhan telah membuat suatu rayuan terhadap suatu perintah Tribunal, Tribunal boleh, dan jika diarahkan oleh Mahkamah Tinggi hendaklah, sementara menunggu keputusan rayuan itu, menahan perintah yang terhadapnya rayuan dibuat yang berhubungan dengan bayaran apa-apa jumlah wang.

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

75. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mengarahkan mana-mana Pemeriksa untuk menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya yang diberi oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi melaksanakan maksud Akta ini.

(2) Pemeriksa hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis dalam apa-apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa itu hendaklah menjadi tambahan kepada kuasa yang diberi oleh Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.

(3) Pemeriksa boleh memeriksa mana-mana orang jika Pemeriksa itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu mempunyai maklumat atau dokumen yang berkaitan yang berhubungan dengan apa-apa aktiviti mengurus rumah tangga.

(4) Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah mempunyai segala kuasa Pemeriksa di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Kuasa untuk menghendaki maklumat dan menjalankan pemeriksaan

76. (1) Bagi maksud memperoleh maklumat mengenai sama ada mana-mana orang telah membuat bayaran caruman atau apa-apa maklumat lain yang berhubung dengan tuntutan bagi faedah di bawah Akta ini, Ketua Pengarah atau Pemeriksa boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen, atau berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan, yang berkaitan dengan bayaran caruman atau tuntutan bagi faedah di bawah Akta ini—

- (a) untuk memberikan apa-apa maklumat kepada Ketua Pengarah atau Pemeriksa dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam notis itu; atau
- (b) untuk hadir sendiri di hadapan Ketua Pengarah atau Pemeriksa dan untuk mengemukakan bagi pemeriksaan apa-apa buku, akaun, rekod dan dokumen lain termasuk rekod elektronik yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah atau Pemeriksa.

(2) Jika ternyata kepada mana-mana Majistret atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa di mana-mana tempat atau bangunan terdapat apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain termasuk rekod elektronik yang pengemukaannya telah dikehendaki di bawah subseksyen (1) tetapi tidak dikemukakan, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Pemeriksa atau mana-mana pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah, dengan atau tanpa bantuan, memasuki tempat atau bangunan, dengan kekerasan jika perlu, dan memeriksa tempat atau bangunan itu,

menyita, mengambil milikan dan menahan apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain termasuk rekod elektronik.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Menghalang, dsb., Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau Pemeriksa

77. Mana-mana orang yang—

- (a) tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, mana-mana Timbalan Ketua Pengarah atau Pemeriksa semasa menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (b) dengan apa-apa cara mengamang, menggalang atau menghalang Ketua Pengarah, mana-mana Timbalan Ketua Pengarah atau Pemeriksa semasa menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN X

KESALAHAN DAN PENALTI

Memberikan maklumat atau dokumen palsu atau mengelirukan

78. Mana-mana orang yang—

- (a) memberikan atau menyebabkan mana-mana orang memberikan apa-apa maklumat atau dokumen kepada Pertubuhan yang dia ketahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan; atau
- (b) membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa akuan, borang, laporan, sijil atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa butir-butir material,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fraud atau pemalsuan berkaitan dengan bayaran caruman atau tuntutan bagi faedah

79. Mana-mana orang yang melakukan atau bersubahat untuk melakukan apa-apa perbuatan fraud atau pemalsuan berkaitan dengan bayaran caruman atau tuntutan bagi faedah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perintah mahkamah berkenaan dengan caruman atau faedah yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan

80. (1) Mana-mana orang yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan di bawah seksyen 78 atau 79 dan menyebabkan apa-apa caruman tidak dibayar kepada Pertubuhan atau menyebabkan apa-apa bayaran di bawah Akta ini diterima dengan tidak sepatutnya, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu untuk membayar kepada Pertubuhan amaun apa-apa caruman atau bayaran itu, bersama dengan apa-apa bunga yang dikreditkan atas amaun itu, yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan.

(2) Amaun apa-apa caruman atau bayaran yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diperakukan oleh pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah sebagai kena dibayar daripada orang itu sebelum tarikh dapatan bersalah itu dan perakuan pegawai diberi kuasa itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai amaun yang genap masa dan kena dibayar kepada Pertubuhan.

(3) Sekiranya mana-mana orang yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan di bawah seksyen 78 atau 79 yang berhubungan dengan isi kandungan apa-apa dokumen atau laporan yang dikemukakan kepada Pertubuhan, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah boleh memerintahkan orang itu untuk mengemukakan dokumen atau laporan yang dikehendaki dalam masa yang ditentukan oleh mahkamah.

(4) Amaun apa-apa caruman atau bayaran yang disebut dalam subseksyen (1) boleh didapatkan balik mengikut cara yang sama sebagaimana, dan boleh dirayu seolah-olah ia ialah, suatu perintah bagi bayaran pampasan di bawah seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah, kecuali jika mahkamah mengarahkan supaya bayaran jumlah wang itu dibuat secara ansuran, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya jumlah wang itu dibayar dengan tidak lebih daripada enam ansuran dalam masa enam bulan.

Salinan catatan menjadi keterangan *prima facie* dan pengemukaan dokumen

81. (1) Dalam apa-apa prosiding undang-undang di bawah Akta ini, suatu salinan apa-apa catatan dalam akaun Pertubuhan yang diperakukan dengan sewajarnya oleh pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa catatan itu telah dibuat dan mengenai kebenaran kandungan catatan itu.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan oleh Pendakwa Raya, menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dalam milikannya dan berkaitan dengan kes, dan dokumen itu hendaklah dikemukakan dalam masa yang ditentukan oleh mahkamah.

Pendakwaan

82. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

83. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun; dan
- (b) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.

(2) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum pendakwaan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah, suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Tawaran bertulis di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran bertulis itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan Ketua Pengarah, boleh memulangkan apa-apa buku, akaun, rekod atau dokumen lain termasuk rekod elektronik yang disita berkaitan dengan kesalahan itu, tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

BAHAGIAN XI

AM

Pelantikan ejen pemungut

84. Pertubuhan boleh melantik apa-apa bilangan ejen pemungut bagi maksud mendapatkan balik apa-apa jumlah wang yang terhutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan.

Mengguna khidmat juruaudit, aktuari, dsb.

85. Pertubuhan boleh, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat, mengguna khidmat mana-mana juruaudit, aktuari, penasihat teknikal, jurubank, broker saham, juruukur, perunding atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pertubuhan untuk membantu Pertubuhan dalam melaksanakan fungsinya.

Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pemeriksa, dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan berhak menerima gaji, elaun, dsb.

86. Jika Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pemeriksa, dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan menjalankan kuasanya dan

melaksanakan fungsinya bagi maksud Akta ini, gajinya, elaunnya, pendahuluan dan apa-apa bayaran lain yang mereka berhak menerima hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Pekhidmat awam

87. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, semua anggota Lembaga, Jawatankuasa atau jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 9, Pemeriksa, dan pegawai dan pekhidmat Pertubuhan, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa Pertubuhan untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat

88. (1) Pertubuhan boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, menubuhkan atau mengambil alih mana-mana syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaan, rancangan, perusahaan atau apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh Pertubuhan bagi maksud Akta.

(2) Pertubuhan boleh memberi arahan kepada syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) mengenai perkara yang berhubungan dengan pentadbiran, kewangan dan operasi syarikat itu yang selaras dengan peruntukan Akta ini, dan syarikat itu hendaklah melaksanakan arahan itu.

Kuasa untuk mengecualikan

89. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam perintah itu, mengecualikan—

- (a) mana-mana suri rumah atau suami suri rumah; atau
- (b) mana-mana orang tanggungan,

daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Pelupusan dokumen selepas lebih daripada tiga tahun

90. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan apa-apa dokumen berasaskan kertas kepunyaan Pertubuhan untuk disalinkan dalam perantaraan elektronik dengan apa-apa cara bagi memastikan bahawa imej tepat dokumen itu dapat dilihat, dihasilkan semula dan disalinkan.

(2) Jika dokumen berasaskan kertas telah disalinkan mengikut subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh membenarkan pelupusan dokumen berasaskan kertas itu selepas habisnya tempoh tiga tahun dari pembuatan salinan elektronik itu.

(3) Salinan dokumen berasaskan kertas yang disimpan dalam suatu perantaraan elektronik mengikut subseksyen (1) boleh diterima sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya mengikut seksyen 90A Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

Kuasa untuk meminda Jadual

91. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

92. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) semua perkara yang berhubungan dengan Jawatankuasa atau jawatankuasa yang termasuklah tatacara untuk diikuti oleh Jawatankuasa atau jawatankuasa itu;
- (b) semua perkara yang berhubungan dengan belanja dan perbelanjaan lain sebagaimana yang dibenarkan untuk dibelanjakan daripada Kumpulan Wang;
- (c) amaun daripada Kumpulan Wang yang dibenarkan untuk dibelanjakan bagi maksud perbelanjaan pentadbiran Skim;
- (d) kos dan fi yang kena dibayar berhubung dengan apa-apa prosiding di hadapan Tribunal;
- (e) cara dan tatacara apa-apa prosiding di hadapan Tribunal;
- (f) penubuhan hospital, dispensari dan institusi lain, dan penguntukan suri rumah berinsurans kepada mana-mana hospital, dispensari, klinik atau institusi lain itu;
- (g) semua perkara yang berhubungan dengan penentuan kebolehininsurans suri rumah berinsurans dan bayaran caruman;
- (h) semua perkara yang berhubungan dengan atau bersampingan dengan bayaran dan kutipan caruman yang termasuklah seperti yang berikut:
 - (i) cara dan masa bayaran caruman; dan
 - (ii) amaun bayaran caruman;
- (i) semua perkara yang berhubungan dengan maksud caruman dan faedah yang termasuklah seperti yang berikut:
 - (i) perkara berkenaan dengan pendaftaran dan cara pendaftaran;

- (ii) pengiraan dan penentuan kelayakan caruman dan tempoh perlindungan bagi suri rumah berinsurans;
- (iii) caruman termasuklah kadar caruman yang dibayar terlebih dahulu dan bayaran caruman yang dibayar terlebih dahulu oleh suami atau suri rumah berinsurans itu;
- (iv) kadar faedah dan perakuan hilang upaya, keilangan dan kelayakan bagi apa-apa faedah atau kemudahan di bawah Akta ini;
- (v) cara untuk menilai apa-apa faedah wang tunai di bawah Akta ini termasuklah kaedah mengira faedah wang tunai;
- (vi) cara untuk mentaksir nilai apa-apa faedah atau kemudahan yang bukan faedah wang tunai dan bayaran gantinya;
- (vii) kaedah mengira amaun faedah wang tunai atau elaun perjalanan dan elaun lain yang kena dibayar, dan hal keadaan dan takat penggantian faedah hilang upaya dan keilangan boleh dibenarkan dan kaedah mengira nilai penggantian itu;
- (viii) syarat untuk dipatuhi oleh suri rumah berinsurans semasa sedang menerima apa-apa faedah di bawah Akta ini termasuk kehendak pemeriksaan perubatan orang itu;
- (ix) cara pelarasan faedah hilang upaya kekal yang kena dibayar berkenaan dengan satu atau berbilang bencana domestik atau syarat untuk menerima faedah itu dalam apa-apa hal jika faedah hilang upaya kekal telah digantikan dengan bayaran sekali gus;
- (x) cara atau penentuan kelayakan bagi faedah yang suri rumah berinsurans berhak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan

Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta ini;

- (xi) cara pelantikan, pembayaran elaun dan tatacara penentuan oleh, penilai perubatan;
- (xii) cara pelantikan dan kewajipan pegawai perubatan;
- (j) semua perkara yang berhubungan dengan apa-apa program, skim, fi, langkah atau bantuan kewangan baharu jika difikirkan perlu oleh Menteri untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan suri rumah berinsurans dan orang tanggungannya;
- (k) apa-apa perkara lain yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Menteri boleh mengguna pakai mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 dan apa-apa Akta lain yang ditadbir oleh Pertubuhan bagi maksud Akta ini tertakluk pada apa-apa syarat dan pindaan yang tidak bercangah dengan Akta ini.

Syor Jawatankuasa untuk menyemak semula Skim

93. (1) Jawatankuasa boleh, apabila terdapat perubahan substansial dalam aras umum pendapatan akibat daripada perubahan substansial dalam kos sara hidup atau kemampunan Kumpulan Wang, memeriksa keadaan itu berasaskan penilaian aktuari dan dengan kelulusan Lembaga, membuat syor kepada Menteri bagi menyelaraskan Skim

untuk mengekalkan nilai sebenar faedah wang tunai tertentu dan bagi memastikan kemampunan Kumpulan Wang.

- (2) Syor Jawatankuasa yang disebut dalam subseksyen (1)—
- (a) hendaklah disertakan dengan laporan aktuari;
 - (b) hendaklah mengambil kira dasar sosial Kerajaan; dan
 - (c) boleh termasuk—
 - (i) cadangan bagi kadar caruman dibayar terlebih dahulu yang baharu;
 - (ii) cadangan bagi perubahan kadar faedah wang tunai tertentu; dan
 - (iii) pelanjutan atau pemotongan jenis faedah.

Pertubuhan boleh berurusan dengan orang yang diberi kuasa

94. (1) Dalam semua perkara mengenai faedah di bawah Akta ini, Pertubuhan boleh berurusan secara langsung dengan suri rumah berinsurans atau orang tanggungannya, atau pegawai suatu institusi yang diberi kuasa secara bertulis oleh suri rumah berinsurans itu atau orang tanggungannya, atau seorang pengamal undang-undang yang mewakili suri rumah berinsurans itu atau orang tanggungannya.

(2) Pertubuhan boleh enggan melayani apa-apa representasi yang dibuat oleh mana-mana orang lain.

Pengemukakan dokumen secara elektronik

95. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), Pertubuhan boleh membenarkan apa-apa penyata, butir-butir, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki untuk dikemukakan atau diberikan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat

di bawah Akta ini melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

(2) Syarat dan spesifikasi yang di bawahnya penyata, butir-butir, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (1) dikemukakan atau diberikan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.

(3) Penyata, butir-butir, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah dikemukakan atau diberikan oleh seseorang kepada Pertubuhan pada tarikh pengakuteraan penyata, butir-butir, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain itu dihantar secara elektronik oleh Pertubuhan kepada orang itu.

(4) Pengakuteraan oleh Pertubuhan, penyata, butir-butir, rekod, notis, laporan, daftar atau dokumen lain yang dikemukakan atau diberikan menurut subseksyen (3) boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.

Penubuhan dan penyenggaraan hospital, dsb.

96. (1) Pertubuhan boleh menubuhkan dan menyenggarakan apa-apa hospital, dispensari dan perkhidmatan perubatan dan pembedahan lain yang difikirkan patut oleh Pertubuhan bagi faedah suri rumah berinsurans.

(2) Pertubuhan boleh membuat perjanjian dengan mana-mana Kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, orang, persendirian atau perseorangan berkenaan dengan pemberian rawatan dan layanan perubatan untuk suri rumah berinsurans di mana-mana kawasan dan pembayaran kos bagi belanja rawatan dan layanan perubatan itu.

Kuasa untuk bekerjasama dengan institusi yang sedia ada atau menggalakkan langkah untuk kesihatan, kebajikan, dsb., suri rumah berinsurans

97. (1) Pertubuhan boleh menggalakkan langkah atau bekerjasama dengan mana-mana institusi yang sedia ada bagi peningkatan kesihatan, keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan suri rumah dan bagi pemulihan suri rumah berinsurans yang telah hilang upaya atau cedera dan boleh melakukan perbelanjaan, berkenaan dengan langkah itu, daripada Kumpulan Wang mengikut had yang sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), kerjasama itu hendaklah tidak mewujudkan apa-apa faedah selain yang diberikan di bawah Akta ini.

(3) Langkah di bawah subseksyen (1) boleh termasuk pemberian anggota badan buatan dan alat di bawah keadaan yang sesuai dan rumah betah atau rumah perlindungan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(2)]

1. Suri rumah yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun.
 2. Suri rumah yang telah mencapai umur lima puluh empat tahun dan yang berkenaan dengannya tiada caruman telah kena dibayar di bawah Akta ini sebelum dia mencapai umur lima puluh empat tahun.
-

JADUAL KEDUA

[Seksyen 25 dan 26]

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Bencana</i>	<i>Peratus Kehilangan Kebolehan Keupayaan</i>	<i>Amaun Maksimum bagi Bayaran Sekali Gus</i>
1.	Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di anggota atas	100	RM30,000
2.	Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki (buku lali ke bawah)	100	RM30,000
3.	Pengudungan dua anggota di betis atau paha, atau pengudungan di betis atau paha di sebelah kaki dan hilang kaki (buku lali ke bawah) yang lagi satu	100	RM30,000
4.	Hilang penglihatan sehingga pihak menuntut tidak dapat membuat apa-apa pekerjaan yang memerlukan penglihatan	100	RM30,000
5.	Cacat parah pada muka	100	RM30,000
6.	Pekak tuli	100	RM30,000
<i>Pengudungan—anggota atas (mana-mana satu tangan)</i>			
7.	Pengudungan di sendi bahu	90	RM27,000
8.	Pengudungan di pangkal lengan dengan kudungnya kurang dari 8" dari hujung permatang belikat	80	RM24,000
9.	Pengudungan di bawah 8" dari hujung permatang belikat hingga kurang daripada 4½" di bawah hujung siku	70	RM21,000
10.	Hilang sebelah tangan atau ibu jari dan empat jari sebelah tangan atau pengudungan dari 4½" di bawah hujung siku	60	RM18,000
11.	Hilang ibu jari	30	RM9,000
12.	Hilang ibu jari dan tulang pada tapak tangan	40	RM12,000
13.	Hilang empat jari sebelah tangan	50	RM15,000
14.	Hilang tiga jari sebelah tangan	30	RM9,000

15.	Hilang dua jari sebelah tangan	20	RM6,000
16.	Hilang tulang ruas hujung ibu jari	20	RM6,000
<i>Pengudungan—anggota bawah</i>			
17.	Pengudungan kedua-dua kaki mengakibatkan kudung menyangga badan	90	RM27,000
18.	Pengudungan di kedua-dua kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal dari sendi tulang tapak kaki-jari kaki	80	RM24,000
19.	Hilang semua jari kedua-dua kaki di sendi tulang tapak kaki-jari kaki	40	RM12,000
20.	Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke pangkal dari sendi ruas pangkal-tengah jari	30	RM9,000
21.	Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke hujung dari sendi ruas pangkal-tengah jari	20	RM6,000
22.	Pengudungan di sendi pangkal paha	90	RM27,000
23.	Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya tidak lebih daripada 5" panjang diukur dari hujung bonggol besar tulang paha	80	RM24,000
24.	Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya lebih daripada 5" panjang diukur dari hujung bonggol besar tetapi tidak lebih ke hujung dari tengah paha	70	RM21,000
25.	Pengudungan di bawah tengah paha tidak lebih daripada 3½" di bawah lutut	60	RM18,000
26.	Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 3½" tetapi tidak lebih daripada 5"	50	RM15,000
27.	Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 5"	40	RM12,000
28.	Pengudungan sebelah kaki mengakibatkan kudung menyangga badan	30	RM9,000
29.	Pengudungan di sebelah kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal dari sendi tulang tapak kaki-jari kaki	30	RM9,000
30.	Hilang semua jari sebelah kaki di sendi tulang tapak kaki-jari kaki	20	RM6,000

<i>Bencana lain</i>			
31.	Hilang sebelah mata, tanpa kesulitan, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	40	RM12,000
32.	Hilang penglihatan sebelah mata tanpa kesulitan atau cacat biji mata, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	30	RM9,000
33.	Hilang pendengaran langsung yang kekal di sebelah telinga	20	RM6,000
Hilang— A—Jari tangan sebelah kanan atau kiri			
<i>Jari telunjuk</i>			
34.	Seluruh	14	RM4,200
35.	Dua ruas	11	RM3,300
36.	Satu ruas	9	RM2,700
37.	Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	5	RM1,500
<i>Jari hantu</i>			
38.	Seluruh	12	RM3,600
39.	Dua ruas	9	RM2,700
40.	Satu ruas	7	RM2,100
41.	Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	4	RM1,200
<i>Jari manis atau kelingking</i>			
42.	Seluruh	7	RM2,100
43.	Dua ruas	6	RM1,800
44.	Satu ruas	5	RM1,500
45.	Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	2	RM600
B—Jari kaki kanan atau kiri			
<i>Ibu jari kaki</i>			
46.	Di sendi tapak kaki-jari kaki	14	RM4,200

47.	Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang	3	RM900
<i>Jari kaki lain</i>			
48.	Di sendi tapak kaki-jari kaki	3	RM900
49.	Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang	1	RM300
<i>Dua jari sebelah kaki, tidak termasuk ibu jari kaki</i>			
50.	Di sendi tapak kaki-jari kaki	5	RM1,500
51.	Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang	2	RM600
<i>Tiga jari sebelah kaki, tidak termasuk ibu jari kaki</i>			
52.	Di sendi tapak kaki-jari kaki	6	RM1,800
53.	Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang	3	RM900
<i>Empat jari sebelah kaki, tidak termasuk ibu jari kaki</i>			
54.	Di sendi tapak kaki-jari kaki	9	RM2,700
55.	Sebahagian, dengan kehilangan sedikit tulang	3	RM900

1. Bagi maksud Akta ini—

- (a) amaun maksimum bagi faedah hilang upaya kekal ialah RM30,000.00, dibayar dalam suatu tempoh caruman; dan
- (b) kehilangan fungsi mana-mana anggota yang dirujuk dalam Jadual ini hendaklah ditentukan oleh Pertubuhan dan disifatkan sama seperti kehilangan anggota tersebut.

2. Bagi maksud penentuan suatu hilang upaya kekal, Jadual ini hendaklah dibaca bersama dengan garis panduan Penilaian Kecacatan dan Ketidakupayaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan.

JADUAL KETIGA

[Seksyen 15 dan 35]

KADAR CARUMAN

Kadar bayaran caruman yang dibayar terlebih dahulu adalah berdasarkan amaun pendapatan bulanan anggapan bagi suri rumah dan hendaklah dikira dengan rujukan kepada dua belas bulan dan dibayar pada kadar yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Pendapatan Bulanan Anggapan</i>	<i>Caruman bagi Dua Belas Bulan setiap Suri Rumah</i>
1.	RM600	RM120

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 31 dan 36]

ELAUN KEUZURAN DAN PENCEN PENAKAT

1. Kadar harian pencen penakat ialah amaun kadar bulanan elaun keuzuran yang dibayar atau kena dibayar kepada si mati suri rumah berinsurans bagi bulan sebaik sebelum bulan kematian dibahagi dengan bilangan hari dalam bulan yang pencen itu dibayar atau kena dibayar.
2. Jika seorang suri rumah berinsurans yang sedang menerima elaun keuzuran, atau jika suri rumah berinsurans belum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi dalam tempoh perlindungan, mati atau jika suri rumah berinsurans mati disebabkan oleh bencana domestik yang dihidap dalam tempoh caruman, kadar harian pencen penakat ialah amaun asas bersamaan dengan lima puluh peratus daripada pendapatan bulanan anggapan suri rumah itu dibahagi dengan bilangan hari dalam bulan yang pencen itu dibayar atau kena dibayar.
3. Kadar harian pencen penakat yang kena dibayar sebagaimana yang berikut:
 - (a) bagi duda, suatu amaun bersamaan dengan tiga per lima daripada kadar harian pencen penakat; dan
 - (b) bagi tiap-tiap anak, dua per lima daripada kadar harian pencen penakat:

Dengan syarat bahawa jika jumlah pencen penakat yang dibahagikan antara duda dan anak pada bila-bila masa melebihi kadar harian pencen penakat, bahagian setiap orang tanggungan hendaklah dikurangkan mengikut imbangannya supaya jumlah amaun yang kena dibayar tidak melebihi kadar harian pencen penakat:

Dengan syarat selanjutnya bahawa kadar harian pencen penakat bagi tiap-tiap anak ialah tiga per lima daripada kadar harian pencen penakat jika tidak terdapat duda atau jika duda mati, dan jika terdapat lebih daripada seorang anak, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

4. Jika seorang suri rumah berinsurans yang sedang menerima elaun keuzuran, atau jika seorang suri rumah berinsurans yang belum mencapai umur lima puluh lima tahun tetapi dalam tempoh perlindungan, mati atau jika suri rumah berinsurans mati disebabkan oleh bencana domestik yang dihidap dalam tempoh caruman, dan tidak meninggalkan duda atau anak, pencen penakat hendaklah kena dibayar kepada ibu atau bapa, suatu amaun bersamaan dengan empat per sepuluh daripada kadar harian pencen penakat, dan sekiranya terdapat dua atau lebih ibu bapa, amaun yang kena dibayar hendaklah dibahagikan sama banyak antara mereka.

JADUAL KELIMA

[Subseksyen 22(3)]

BANTUAN KEWANGAN BAGI KEGAGALAN GINJAL TAHAP AKHIR

Dua ratus ringgit setiap bulan sehingga dia mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mana-mana yang lebih awal.

JADUAL KEENAM

[Seksyen 29]

FAEDAH PENGURUSAN MAYAT

Bayaran sekali tiga ribu ringgit.

JADUAL KETUJUH

[Seksyen 30]

ELAUN LAYANAN SENTIASA

Dua ratus dan lima puluh ringgit setiap bulan sehingga suri rumah diperakukan tidak lagi mempunyai takat ketidakupayaan yang melayakkan dia untuk menerima elaun layanan sentiasa oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan atau sehingga suri rumah itu mencapai umur lima puluh lima tahun atau mati, mengikut mana-mana yang lebih awal.

JADUAL KELAPAN

[Seksyen 37]

PEMULIHAN JASMANI DAN DIALISIS

Amaun maksimum yang dibelanjakan bagi pemulihan jasmani ialah lima puluh ribu ringgit dalam satu tempoh caruman dan rawatan bagi dialisis ialah dua ratus ringgit setiap bulan atau menurut Akta Fi 1951 [*Akta 209*], mengikut mana-mana yang lebih rendah.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 838****AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 142/2024	Perintah Keselamatan Sosial Suri Rumah (Pindaan Jadual Keenam) 2024	01-06-2024

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 838

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Keenam	P.U. (A) 142/2024	01-06-2024
